
[BIL. 30 MEI 2019](#)

Agrobank sumbang inisiatif wang saku buat 35 mahasiswa

Seramai 35 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima sumbangan termasuk Inisiatif Wakaf bernilai RM17,500 hasil sumbangan zakat pihak Agrobank dalam usaha meringankan beban masyarakat mahasiswa UMP yang memerlukan.

Lebih bertuah mereka turut menerima sumbangan takaful bernilai RM385,000 sebagai manfaat Pelan Kematian yang diserahkan khusus buat mahasiswa daripada keluarga B40.

Sumbangan telah disampaikan oleh Pengarah Agrobank Wilayah Negeri Pahang, Safaruddin Samsuddin dan Sri. Dr. Daing Nasir Ibrahim bertempat di Dewan Bankuet, Canseleri Tun Abdul Razak, UMP Kampus Pekan.

Profesor Dato' Sri. Dr. Daing Nasir melahirkan ucapan terima kasih atas inisiatif dan jalinan kerjasama antara UMP dan Agrobank kepada mahasiswa yang memerlukan bantuan.

“Semoga hasil sumbangan ini dapat menampung perbelanjaan dan meringankan beban pelajar ini sepanjang hayat mereka.”

“Pihak pengurusan UMP sentiasa komited untuk memasyarakatkan UMP melalui medium kepakaran teknologi.”

“Justeru, bagi menjayakan agenda Universiti-Komuniti dalam kerangka pelaksanaan Pelan Strategik UMP, kami terbuka kepada semua pihak baik sebarang hasrat jabatan atau agensi yang ingin berkolaborasi dalam pelbagai bentuk faedah umum,”

UMP turut mengharapkan sokongan dalam meningkatkan amal jariah menerusi wakaf pendidikan dan endowments.

Projek lain yang dilaksanakan bagi menyokong usaha ini termasuklah *Food For All*, Gerobok Rezeki, *MyCafe-Komuniti*.

Pada masa yang sama, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir turut menyerahkan sumbangan orang ramai bernilai RM140,000 kepada Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN) bagi tujuan penyediaan Iftar kepada mahasiswa yang memerlukan.

Hadir sama dalam majlis, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yusoff Yusoff (Akademik & Antarabangsa), Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff dan Pengarah PIMPIN, Dr. Mahyuddin Mahyuddin.

UMP juga bakal menganjurkan Festival Ramadan yang antaranya Pertandingan Video Pendek Tazkirah.

Jemputan, Iftar Jamaie dan Memasak Bubur Lambuk di RTC Kuala Pahang dan Masjid UMP Kampus Gam

Bakal berlangsung juga kolaborasi strategik bersama Etiqa dan Isuzu dalam Program Indahnya Ramada yatim dan asnaf.

UMP santuni media dalam boling persahab

Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus menyantuni pihak media menerusi penganjuran Program Bo berlangsung di pusat beli-belah Megamall Kuantan pada 2 Mei 2019 yang lalu dengan menyaksikan le media dan pengurusan universiti bersama agensi luar mengambil bahagian dalam acara Boling yang masu

Acara tahunan ini dirasmikan oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim yang t Dato' Nik Naizi Husin dan Setiausaha Akhbar kepada Menteri Besar Pahang, Dato' Abdul Wahab Mohama

Hadir sama Pro-Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie dan Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Profesor D

Menurut Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim, acara ini bertujuan menghargai sumbangan media orang ramai selain mewujudkan jaringan komunikasi secara berterusan bersama pihak UMP.

“Ia juga sebagai platform untuk merapatkan hubungan menerusi aktiviti riadah di samping memupuk gaya h

“Program ini juga sebahagian daripada inisiatif UMP untuk mendekati golongan media yang selama ini kepada semua pihak.

“UMP berterima kasih kepada media kerana pembabitan mereka menyampaikan maklumat berjaya sampa seperti ini dapat memperkukuhkan hubungan kerja bersama media pada masa akan datang,” katanya yang yang disambut para 1 Mei baru-baru ini.

Tambah beliau lagi, dengan publisiti dan liputan meluas yang telah diberikan oleh pihak media selama ter mengenali UMP sebagai sebuah universiti teknologi lima bintang dalam melahirkan jurutera dan teknologis

“UMP sangat berbesar hati mendapat kerjasama yang tidak berbelah bagi daripada pihak agensi media,” u

Beliau turut berkongsi perkembangan Program *MyGift* UMP yang mendapat sokongan pihak luar dalam me usaha yang membolehkan aktiviti keilmuan berkembang dengan pesat serta menyuburkan budaya cintakar

Menjelang Ramadan ini juga, Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN) bakal menganjurkan Festiv Video Pendek Tazkirah Ramadan, Solat Terawikh Bersama Imam Jemputan, Iftar Jamaie dan Memasak Masjid UMP Gambang. Bakal berlangsung juga kolaborasi strategik bersama Etiqa dan Isuzu dalam Progra

Acara pada kali ini mempertaruhkan pasukan terbaik dan hadiah individu lelaki dan individu wanita.

Lebih 10 agensi media hadir memeriahkan program boling pada kali ini termasuklah Ketua Biro Bernama Zalani Md. Atan (Astro), Mohd. Jasmi Faisal Muda (RTM), Mohd. Shariza Abdullah (Utusan) dan wakil ager

**Lebih 100 koleksi buku milik Allahyarham Prof. Dato' Dr. Ish
Perpustakaan UMP**

Warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) terutamanya mahasiswa Fakulti Pengurusan Industri (FIM) ini telah menerima naskhah yang boleh dirujuk bagi tujuan pembelajaran apabila terdapat lebih 100 buah buku koleksi milik Dato' Dr. Hasnah Haron yang kini disimpan sebagai bahan rujukan di Perpustakaan UMP Pekan dan Gambang pada 25 April 2019 yang

Buku-buku ini diserahkan oleh isteri Allahyarham iaitu Profesor Dato' Dr. Hasnah Haron yang juga Dato' dan Pemangku Ketua Pustakawan, Dzull Zabarrod Ahmad.

Turut hadir Ketua Pegawai Operasi merangkap Pendaftar UMP, Profesor Madya Dr. Mohd Ridzuan Daud dan Dato' Safie.

Allahyarham yang telah kembali ke rahmatullah pada 4 April lalu memberikan sumbangan yang besar kepada Integriti (FGIC) di FIM sejak tahun 2016 hasil kerjasama strategik bersama pihak Yayasan Pahang (YP).

Menurut Profesor Dato' Dr. Hasnah, sumbangan buku-buku ini antaranya berkaitan bidang Pengurusan, Akhlak, Etika dan lain-lain sebagai bahan rujukan.

“Buku itu juga adalah penulisan daripada kajian Allahyarham, antaranya adalah 'Keberkesanan Sistem Pengurusan *System*' di sebuah agensi kerajaan, Kajian Perniagaan Kecil Di Jepun, Kajian '*Anti-Bribery Management System*' terpilih dan faktor yang mempengaruhi pembayaran balik penerima pinjaman pengajian YP,” ujar beliau.

Menurut beliau lagi, terdapat juga jurnal yang artikel yang diterbitkan Allahyarham mengenai '*Internal Audit Capability Maturity Model*' terpilih untuk dimuatkan di dalam buku *Internal Audit Capability Maturity Model* terbitan Institute Internal Auditing.

Sementara itu, Profesor Madya Dr. Mohd Riduan turut berpandangan sumbangan ini amat bermakna kerana sumbangan ini dapat dimanfaatkan oleh mahasiswa.

Manakala bagi Dzull Zabarrod pula, pihaknya amat menghargai sumbangan buku dan bahan penerbitan seumpamanya.

“Kami amat menghargai jasa Allahyarham yang banyak menyumbang buku di perpustakaan universiti sejak

Selain daripada buku penulisan daripada kajian, terdapat juga buku teks, iaitu 'Asas Pengurusan Operasi & Amalan Pengurusan' juga tesis mahasiswa sarjana penyelidikan dan kedoktoran turut disumbangkan.

Hari keluarga UMP satukan warga, rapatkan hu

Penganjuran Hari Keluarga Universiti Malaysia Pahang (UMP) 1 Family bertemakan kebahagiaan, kas disambut meriah dengan kehadiran lebih 1,000 orang termasuk staf bersama keluarga masing-masing Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang pada 27 April 2019 yang lalu.

Acara bemula dengan pendaftaran peserta mengikut kumpulan rumah merah, kuning, biru, hijau, dan pu beramai-ramai.

Buat pertama kalinya juga, program diterajui Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas (PPTI) dan Jabatan Kakitangan Akademik (PAKAD), Kesatuan Kakitangan Sokongan (KESUMP) dan Persatuan Wanita UMP (

Terdapat lebih 20 acara sukaneka yang dipertandingkan antaranya talik tali, lari dalam guni, bulu ayam, sa pong dalam sudu, baling bola ragbi dan kerusi berirama menyaksikan kumpulan merah dinobatkan juara ke

Hadir memeriahkan sambutan, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim bersama Pro-Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie.

Menurut Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir, program ini berjaya mengumpulkan warga kerja UMP yang ha

“Selain beriadah, aktiviti ini juga dapat mengeratkan hubungan baik, mengenali antara satu sama lain da
warga universiti.

“Pertemuan ini juga menyokong tema memupuk nilai kasih sayang dan mampu mewujudkan keakraban, k
melahirkan rasa sayang kepada universiti.

“Program seperti ini juga memberi peluang staf saling mengenali dan merapatkan ukhwah dan kebersamaa

Manakala Pengerusi Hari Keluarga UMP 2019, Mohd. Raizalhilmy Mohd Rais berkata, pihaknya mengharg
program dan acara berjalan lancar serta mengharapkan lebih banyak program seperti ini dapat dijalankan.

“Kami juga sangat berbangga dengan komitmen jawatankuasa dan sukarelawan dalam merancang pel
bersama keluarga,” ujarnya.

Turut berlangsung pertandingan mewarna kanak-kanak, pertandingan pakaian beragam bertemakan alam
penyediaan menu sihat. Terdapat juga gerai makanan yang menyediakan air balang, apam balik *Crisp*
disediakan percuma untuk tetamu yang hadir.

Karnival Pemantapan Bahasa Melayu manfaat mahasiswa

“Kami bertuah apabila mendapat peluang keemasan untuk bertemu dengan pelajar sekolah dan guru pas beliau.

Mahasiswa juga berpeluang menimba pengalaman mempelajari bahasa Melayu di UMP, berkongsi keistimewaan negara Malaysia, negeri Pahang, universiti dan keseronokan berkomunikasi dalam bahasa M

Dalam meningkatkan pemahaman mahasiswa antarabangsa, pelbagai program telah dijalankan oleh Berbicara Bahasa Melayu melalui drama, puisi dan ucapan.

Selain itu, program Drama Muzikal Bahasa Melayu, pengucapan awam dalam bentuk pidato turut diadakan

Mahasiswa juga berpeluang mengambil bahagian dalam Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu 2006.

UMP TRIZ hasilkan 300 projek inovasi tingkat bakat mahasiswa c

Penganjuran UMP Triz Innovation Exposition 4.0 anjuran Jabatan Kemahiran Insaniah, Pusat Bahasa menyaksikan lebih 300 projek inovasi dihasilkan membabitkan 1,200 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang yang berlangsung di Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang pada 4 Mei 2019 yang lalu.

Dengan bertemakan membantu orang kurang upaya, mahasiswa dinilai daripada aspek kemahiran ins permasalah berkaitan kejuruteraan dan teknologi yang dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabang Yusoff.

Hadir sama Naib Presiden TRIZ, Tan Eng Hoo, Pengarah *Institute of Social Information and Technological Innovation* (UMS), Narayanan Kulathuramaiyer, Dekan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Prof. Dr. Wahab dan Pengarah Pusat Keusahawanan UMP, Abdul Syukor Abd. Razak.

Menurut Profesor Ir. Dr. Wan Azhar, pertandingan ini memperkenalkan kaedah penyelesaian secara inventif dan juga merupakan platform kepada mahasiswa untuk berinovasi dan mempamerkan kemampuan dimiliki yang

“Semoga pertandingan TRIZ yang diadakan ini juga dapat menghasilkan lebih banyak inovasi atau produk tempatan dan antarabangsa,” ujar beliau.

Manakala menurut pensyarah PBMSK merangkap Pengarah Program, Imadduddin Abidin, pertandingan ini merupakan pengajaran dan pembelajaran Subjek UHS2021 *Soft Skill II*, iaitu yang berasaskan inovasi menyelesaikan masalah

“Banyak teknik dan metodologi dalam penyelesaian masalah, dan salah satunya ialah dengan cara TRIZ yang dibangunkan di antara tahun 1960 hingga 1980 oleh Saintis Rusia iaitu Genrich Altshutler.

“Inovasi teknologi TRIZ mempunyai banyak kebaikan antaranya meningkatkan pemasaran dalam mengkomunikasikan dengan cepat dalam pencarian penyelesaian yang inventif dan inovatif. TRIZ juga secara saintifiknya merujuk kepada ramalan revolusi sistem teknologi, produk dan proses,” katanya.

Selain itu, sistem konvensional dan moden terhadap kajian pasaran lebih berkesan dibantu dengan TRIZ di masa hadapan. TRIZ adalah kaedah penyelesaian masalah secara inventif terkini yang menitikberatkan penyelesaian berstruktur dan menekankan aspek lebih baik (*better*), murah (*cheaper*) dan lebih cepat (*faster*).

Pertandingan musim keempat ini menyaksikan projek ‘*Express Pump*’ ciptaan Isma Aida Akhma Ismail meraihi

Beliau bersama mahasiswa lain iaitu Hannani Hasan, Muhammad Faiz Rosli dan Sultan Omar Babalghafah projek motosikal menggunakan saluran atau tiup disambung pada ekzos kenderaan dua roda.

Turut menang projek ‘*Medminder Pill Dispense*’ meraih Anugerah Khas Kreativiti, Anugerah Komuniti Industri dimenangi projek ‘*Smart Hand Glove*’ manakala lima projek menang Anugerah Projek Komuniti ‘*Innovated Nail Clipper*’, ‘*Smart Walker*’, ‘*Strokable Walker*’, ‘*The Braille Bag*’ dan ‘*Meat Storage*’.

- 116 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

